

**Untuk Siaran Segera
7 Disember 2025**

**PNB Bersama GLIC Malaysia Menerajui Rangka Kerja 10
Juara Bumiputera di bawah GEAR-uP**

Membina generasi baharu syarikat Bumiputera yang berdaya saing

Kuala Lumpur, 7 Disember 2025 – Permodalan Nasional Berhad (PNB), dengan kerjasama Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) lain, komited untuk menerajui inisiatif 10 Juara Bumiputera di bawah Program Pengaktifan dan Reformasi Entiti Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP), yang merupakan sebahagian daripada agenda Ekonomi MADANI.

Program strategik ini telah dibentuk untuk melahirkan 10 syarikat Juara Bumiputera masing-masing dengan permodalan pasaran atau nilai perusahaan sekurang-kurangnya RM500 juta dalam tempoh lima tahun akan datang. Menerusi sokongan kolektif dan pendekatan menyeluruh yang melibatkan GLIC, GLC serta Kerajaan, inisiatif ini bertujuan untuk memacu pertumbuhan mampan dan memperkasa komuniti Bumiputera selaras dengan objektif GEAR-uP.

Dato' Rick Ramli, Timbalan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, menekankan kepentingan usaha strategik ini dengan merujuk kepada fakta bahawa hanya 5 daripada 220 syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia antara tahun 2020 hingga 12 November 2025 adalah milik Bumiputera. Ini menunjukkan keperluan mendesak untuk pendekatan bersepadu bagi membina juara yang kredibel dan berskala, serta meningkatkan keyakinan pasaran dan pelabur terhadap syarikat Bumiputera.

Program ini mempunyai pendekatan yang berbeza daripada program pembangunan vendor sebelum ini. Syarikat Bumiputera berpotensi tinggi dipilih melalui proses yang jelas dan berstruktur, dengan matlamat menilai kapasiti dan potensi mereka untuk menjadi syarikat bersaiz besar dalam sektor masing-masing. Selain itu, program ini melibatkan pendekatan bersepadu oleh GLIC yang akan berganding bahu untuk memberikan sokongan relevan yang diperlukan bagi merangsang pertumbuhan syarikat-syarikat ini.

Di bawah inisiatif ini, PNB dan GLIC lain akan memperkasa pertumbuhan syarikat Bumiputera dengan mengenal pasti syarikat yang mempunyai asas kukuh dan potensi menjanjikan, serta menyokong mereka untuk mencapai tahap baharu. Sokongan ini merangkumi pembangunan kapasiti, memudahkan akses pasaran melalui rangkaian luas GLIC, memberikan panduan strategik untuk mempercepatkan pengembangan, dan membangunkan Pelan Penciptaan Nilai (Value Creation Plans) dengan pihak pengurusan bagi merangka strategi pertumbuhan yang disesuaikan untuk membuka nilai jangka panjang.

"Selaras dengan mandat dan matlamat PNB, inisiatif 10 Juara Bumiputera mencerminkan komitmen PNB terhadap pertumbuhan ekonomi inklusif, memastikan perusahaan Bumiputera mampu bersaing pada skala besar dan menyumbang secara bermakna kepada daya tahan ekonomi negara," kata Dato' Rick.

Dengan melahirkan syarikat yang kukuh dan berdaya saing, PNB dan GLIC lain berhasrat mewujudkan rangkaian Juara Bumiputera yang berpotensi dan mampu menjadi peneraju pasaran, memacu inovasi, menarik pelaburan dan menjana nilai jangka panjang untuk semua pihak berkepentingan.

Program Juara Bumiputera, sebuah konsep di bawah inisiatif PuTERA35, dan diselia oleh Majlis Ekonomi Bumiputera yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, turut diperkukuh dengan peruntukan RM40 juta di bawah Belanjawan Malaysia 2026. Antara kejayaan awal program ini ialah penyenaraian Orkim Bhd pada 9 Disember 2025, sebuah syarikat hiliran minyak dan gas terkemuka yang mengkhusus dalam pengangkutan marin produk petroleum. Penyenaraian ini telah disokong oleh Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), firma ekuiti swasta berkaitan Kerajaan.

-TAMAT-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad